



## **KENYATAAN MEDIA**

### **PEGAWAI KADET ALK-UPNM KES PENGANIAYAAN DIBATALKAN PELANTIKAN, DITAMATKAN PERKHIDMATAN ATM DAN DIKENAKAN GANTI RUGI**

1. Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) Siri 623 yang bersidang semalam meluluskan syor Akademi Latihan Ketenteraan (ALK) terhadap lima (5) orang Pegawai Kadet (PK) ALK, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang terlibat dalam tiga (3) kes penganiayaan terhadap PK yang lain.
2. ALK telah mengesyorkan tindakan terhadap lima (5) orang pelaku tersebut kepada MAT, termasuklah pembatalan pelantikan sebagai PK, pemberhentian kerja daripada perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan mengenakan bayaran ganti rugi kepada Kerajaan Malaysia yang dikira daripada keseluruhan perbelanjaan yang telah dibelanjakan sepanjang tempoh pengajian.
3. Tindakan yang dikenakan ini tidak tertakluk kepada tindakan lain yang diambil oleh pihak UPNM sendiri mahupun Jabatan Peguam Negara.
4. Berikut adalah ketetapan Mesyuarat MAT terhadap lima (5) orang pelaku dalam tiga (3) kes yang berasingan tersebut:

**4.1 KES PERTAMA: Penganiayaan terhadap PK Muhammad Salman bin Mohd Saiful Surash**

**Pelaku: PK Amirul Iskandar bin Ahmad Norhanizan**

Kes penganiayaan melibatkan tekanan seterika ke dada mangsa oleh pelaku telah dikesan jurulatih bertugas ALK semasa melaksanakan pemeriksaan tubuh berkala pada 28 Oktober 2024.

Susulan itu, satu siasatan dijalankan dan mendapati PK Amirul Iskandar, pelajar jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (Pengambilan 2021) telah melakukan penganiayaan fizikal terhadap mangsa.

Pelaku dibatalkan pelantikan sebagai PK, ditamatkan perkhidmatan dalam ATM dan dikenakan bayaran ganti rugi kepada Kerajaan Malaysia sejumlah RM44,600.20.

Pelaku juga telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah Kuala Lumpur di bawah Seksyen 324 Kanun Keseksaan pada 8 November 2024 dan prosiding masih berjalan.

#### 4.2 **KES KEDUA: Penganiayaan terhadap PK Alief Ahsreihan bin Ahslemy**

Pendedahan kes ini adalah melalui maklumat awal yang diterima oleh Ketua Kompeni daripada seorang pensyarah di UPNM. Pihak atasan ALK telah mengarahkan untuk satu siasatan segera dijalankan.

##### **Pelaku 1: PK Izzat Izuddin bin Mohammad Arif**

PK Izzat Izuddin, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia Pertahanan (Pengambilan 2021) telah mengarahkan Pelaku 2 untuk mengenakan Hukuman Pembetulan (*Corrective Punishment*) terhadap mangsa, bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan di bawah Perintah Tetap PK ALK.

## **Pelaku 2: PK Muhammad Hidayat Haqimi bin Mohd Yuslan**

Sebagaimana yang diarahkan oleh Pelaku 1, PK Muhammad Hidayat Haqimi bin Mohd Yuslan, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Keselamatan Komputer) (Pengambilan 2023) telah mengenakan Hukuman Pembetulan (*Corrective Punishment*) terhadap mangsa, bertentangan peraturan yang ditetapkan di bawah Perintah Tetap PK ALK, melakukan tindakan salah laku secara fizikal, serta mengarahkan mangsa untuk melakukan kerja-kerja peribadi.

## **Pelaku 3: PK Ku Muhammad Irfan bin Ku Zaimi**

PK Ku Muhammad Irfan bin Ku Zaimi, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Pengambilan 2021) telah melakukan tindakan salah laku secara fizikal dan tindakan pengasingan yang menyebabkan gangguan emosi terhadap mangsa.

### **Tindakan:**

Ketiga-ketiga pelaku dibatalkan pelantikan sebagai PK, ditamatkan perkhidmatan dalam ATM dan masing-masing dikenakan bayaran ganti rugi kepada Kerajaan Malaysia sejumlah RM48,452.75, RM19,481.70 dan RM44,600.20.

## **4.3 KES KETIGA: Penganiayaan terhadap PK Yeong Kian Rui**

### **Pelaku: PK Ammar Hafiy bin Muhammad Habib**

Kes penganiayaan yang melibatkan kecederaan fizikal ini telah dikenal pasti setelah jurulatih merasa curiga ketika mangsa meminta untuk mendapatkan rawatan perubatan.

Siasatan lanjut mendapati PK Ammar Hafiy bin Muhammad Habib, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengambilan 2022) telah melakukan tindakan salah laku secara fizikal yang menyebabkan kecederaan '*soft tissue injury over lower back secondary to trauma*' kepada mangsa.

Pelaku dibatalkan pelantikan sebagai PK, ditamatkan perkhidmatan dalam ATM dan dikenakan bayaran ganti rugi kepada Kerajaan Malaysia sejumlah RM32,115.95.

5. Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Pertahanan sama sekali tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk penganiayaan dalam mana-mana institusi ketenteraan dan akan terus menambahbaik mekanisme pencegahan bagi mengelakkan kejadian penganiayaan berulang.
6. Kementerian Pertahanan memberi komitmen untuk memastikan sebarang tindakan yang bertentangan dengan etika dan peraturan yang telah ditetapkan akan ditangani dengan tegas dan keras.
7. Kementerian Pertahanan berharap agar keputusan ini menjadi pengajaran kepada semua pihak serta dapat memulih dan memperkasa nilai-nilai ketenteraan (*military value*) yang sepatutnya diamalkan.

**DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN**  
**MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA**  
**27 NOVEMBER 2024**